

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA WILFRED MADIUS  
TANGAU (TUARAN)**

**TARIKH : 8 DISEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK SERI PANGLIMA WILFRED MADIUS TANGAU [ TUARAN ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah bilangan (mengikut negara asal) pemegang dokumen IMM13 di seluruh negara dan berapakah sebenar orang Filipina di Sabah yang berstatus pelarian perang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pemegang Pas Lawatan IMM13 di seluruh negara adalah seramai 53,997 orang iaitu warganegara Filipina adalah seramai 51,645 orang, warganegara Syria seramai 2,332 orang dan warganegara Thailand seramai 20 orang.

Menurut proses semak silang yang dilakukan antara Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Sabah, Majlis Keselamatan Negara Negeri Sabah dan Jabatan Ketua Menteri Sabah, jumlah pelarian Filipina di Sabah adalah seramai 136,055 orang.